



**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 8/1974**

*Pungutan Bayaran Pendaftaran Berkaitan Dengan
Perintah Pemungut Di Bawah Seksyen 16(1)
Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil, 1955*

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pendaftar-pendaftar dan Pemungut-pemungut tentang pungutan bayaran pendaftaran bagi perintah pembahagian Pemungut di bawah seksyen 16(1) Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil, 1955.

2. Pemerhatian Pendaftar-pendaftar dan Pemungut-pemungut adalah dibawa ke seksyen 16(1) Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil, 1955 yang membekalkan bahawa Pemungut-pemungut hendaklah menyelenggarakan pendaftaran sesuatu perintah pembahagian yang telah disiapkan. Di bawah seksyen 348(1) Kanun Tanah Negara pula adalah menjadi tanggungjawab Pendaftar untuk menyelesaikan perintah tersebut dengan membuat ingatan mengenai mana-mana pindahan yang telah diperintahkan di dalam suratan hakmilik tanah dalam mana tercatatnya bahagian atau kepentingan yang dimaksudkan.

3. Adalah menjadi matlamat bahawa urusan pembahagian pusaka kecil akan dijalankan dengan cara yang ringkas dan perbelanjaan yang kurang dan yang demikian pembekalan undang-undang diadakan supaya menentukan pendaftaran perintah pembahagian tersebut. Adalah menjadi tugas Pemungut untuk menentukan pendaftaran perintah pembahagian dan Pendaftar pula untuk bertanggungjawab untuk menyelesaikan perintah tersebut dengan membuat ingatan pindahan di dalam daftar hakmilik. Oleh kerana tugas membuat ingatan itu adalah kehendak undang-undang, maka pungutan bayaran pendaftaran tidaklah dimaksudkan. Dalam tugas mendaftarkan perintah Pendaftar tidak akan menimbangakan kesesuaian perintah itu dan yang demikian kerja yang dijalankan sangatlah sedikit. Dengan ini adalah difikirkan iaitu oleh kerana tidak ada peruntukan di dalam Peraturan Tanah Negeri untuk mengenakan bayaran mendaftar perintah bayaran tidak patut dikenakan di Negeri-negeri Kelantan, Perlis, Pulau Pinang dan Trengganu.

4. Pendaftar-pendaftar dan Pemungut-pemungut di Negeri-negeri Kelantan, Perlis, Pulau Pinang dan Terengganu adalah dinasihatkan supaya tidak mengenakan (mengutip) bayaran membuat ingatan pindahan di bawah Seksyen 16(1) Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil, 1955.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 252/6-1

Kuala Lumpur,
Mei, 1974.